



Yusof bersama mahasiswa **UMSKAL** yang menyertai program Jalinan Kasih Bakti Siswa di Kampung Bukit Kuda Labuan.

[FOTO AZRI ONN/BH]

# Elak aktiviti jejas pengajian

**Labuan:** Penuntut institut pengajian tinggi (IPT) khususnya di Labuan diingatkan supaya menghindari aktiviti yang bo-

leh menjejaskan pengajian dan masa depan mereka.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yusof Mahal, berkata

tumpuan harus diberi kepada agenda pendidikan sepanjang sepanjang berada di menara gading.

"Ibu bapa mengharapkan anak mereka memperoleh kejayaan cemerlang, bukannya terbabit dalam aktiviti diluar yang ia boleh menjejaskan pengajian.

"Ia bukan saja akan mengecewakan ibu bapa, malah turut mencemar nama baik universiti, keluarga dan diri sendiri," katanya ketika merasmikan penutup program Jalinan Kasih Bakti Siswa Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Kampung Bukit Kuda di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali; Ketua Kampung Bukit Kuda, Mustapha Tangkim dan Pengarah Program, Datang Intan Awang Damit.

Sempena program itu, seramai 67 mahasiswa tinggal bersama keluarga angkat dan mengikuti pelbagai aktiviti.

Program tiga hari dua malam itu turut bertujuan melatih mahasiswa dalam penguurusan organisasi dan membentuk nilai murni sebagai generasi pemimpin pelapis.